KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	013.03.22	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	JMG			

BH AHAD 13 Mac 2022 Nasional

Tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2

'Cari punca sebenar tragedi'

Timbul dakwaan perumahan dibina di tanah hutan rizab

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Ampang Jaya: Penduduk yang terjejas akibat kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2 di sini, Khamis lalu, mahu kerajaan menjalankan siasatan terperinci bagi mencari punca sebenar kejadian.

Desakan sama disuarakan oleh sebahagian penduduk Taman Mega Jaya, terletak bersebelahan yang turut terkesan akibat kejadian itu.

Timbul juga dakwaan, perumahan Taman Bukit Permai 2 bersebelahan Taman Mega Jaya yang dibina pada 1990-an itu dibina di kawasan tanah hutan rizab yang sepatutnya tidak boleh dibangunkan dan perlu dikekalkan.

Penduduk, Asmah Md Taib, 72, yang tinggal di Taman Mega Jaya sejak 1986, mendakwa pembinaan perumahan Taman Bukit Permai 1 di atas bukit berhampiran juga dipercayai menyumbang kepada kejadian itu.

"Sejak mula pembinaan (Taman Bukit Permai 1), sudah ada masalah apabila mereka letupkan batuan di atas hingga menyebabkan kereta dan bumbung penduduk di sini rosak termasuk kereta saya.

"Apabila saya balik bercuti ketika bertugas di Amerika Syarikat (AS) pada 1996, taman perumahan Taman Bukit Permai 2 di belakang rumah pula siap.

"Bagaimana kawasan itu boleh dijadikan perumahan kerana setahu saya ia adalah tanah rizab," katanya kepada pemberita ketika ditemui di kediamannya di sini, semalam.

Beliau berkata, ketika awal mendiami kawasan itu, terdapat anak sungai di belakang kediamannya berhampiran kawasan yang runtuh tetapi kini sudah tiada.

"Kita minta pihak kerajaan menyiasat perkara ini kerana kita percaya rentetan pembangunan yang berjalan di kawasan ini tanpa kawalan sejak 30 tahun membawa kepada bencana yang berlaku kelmarin.

"Kita tidak mahu menyalahkan mana-mana pihak tetapi apabila kejadian ini berlaku, kita cuma mahu pihak berkaitan menyiasat punca kejadian seperti ini boleh berlaku termasuk pemaju dan pihak yang meluluskan projek," katanya.


Berkaitan
Bunyi siren kuat elak lebih ramai jadi mangsa
Keratan akhbar BH semalam.

Asmah yang juga seorang pesara kerajaan berkata, bahagian belakang kediamannya rosak akibat tanah runtuh yang berlaku kira-kira jam 5.30 petang itu.

Seorang penduduk Taman Bukit Permai 2 yang terpaksa berpindah, Chia Nyiok Moi, 58, pula meminta pihak kerajaan segera melakukan kerja pembaikan agar dia dan dua anaknya dapat kembali ke kediaman mereka secepat mungkin.

Beliau turut meminta pihak kerajaan menjalankan siasatan terperinci berhubung punca kejadian dan mencari jalan penyelesaian terbaik untuk memastikan kejadian seperti ini tidak berulang.

Sementara itu, Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menafikan dakwaan tiada sebarang tindakan diambil berkaitan aduan penduduk mengenai pergerakan tanah yang berlaku di cerun bukit di Taman Bukit Permai 2, sebelum kawasan itu runtuh.

Pegawai Perhubungan Awam MPAJ, Norhayati Ahmad, berkata semakan mendapati, pihaknya hanya menerima aduan kerosakan berkaitan longkang di hadapan rumah penduduk di Jalan Teratai 1/2K dan bukannya di tapak kejadian tanah runtuh.

"MPAJ tidak menerima sebarang aduan mengenai kejadian gelongsoran tanah daripada penduduk di kawasan yang terjejas, sebaliknya aduan mengenai perkara itu diterima dua lokasi lain.

"Mengenai aduan kerosakan longkang, pihak MPAJ sudah turun padang untuk membuat pemeriksaan dan anggaran kos pembaikan iaitu RM1 juta," katanya dalam kenyataan, semalam.

Norhayati menegaskan, MPAJ sentiasa mengambil tindakan segera terhadap sebarang aduan membabitkan masalah yang dikemukakan penduduk.

Terdahulu, penduduk di kawasan terjejas tanah runtuh mendakwa sudah membuat aduan kepada pihak MPAJ berhubung pergerakan tanah di cerun bukit, namun tiada tindakan diambil oleh MPAJ.